

TESIS
(Tesis)

PENGGUNAAN KAYU SEBAGAI BAHAN BINAAN UTAMA DIDALAM RUNAH
TRADITSIONAL MELAYU.

IMA IDRIS
DIPLOMA IN ARCHITECTURE
87086710

Cabang Rujukan & Perkhidmatan Pembaca
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

BUKTI BAYARAN TIDAK DIBENARKAN

PENGENALAN

Kajiselidik ilmiah ini dilakukan adalah bagi memenuhi kehendak salah satu daripada kehendak kursus yang mewajibkan ke atas setiap penuntut tahun akhir kursus Diploma Senibina, Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur di bawah matapelajaran *History of Architecture*.

Adalah dikehendaki setiap penuntut membuat kajian ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah senibina tanahair dan pada kali ini penuntut dikehendaki mengaitkan juga kajiselidik ilmiah mereka dengan keadaan yang ada dipersekitarannya iaitu dengan membuatkan kes pembelajaran (case study).

PENGHARGAAN

Setelah sekian lama bertungkus lumus menyiapkan kajian akhir ini, akhirnya saya berjaya menamatkannya dengan seberapa banyak maklumat yang terdaya. Dalam masa menyiapkan penulisan ini, berbagai pihak yang turut sama terlibat yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam usaha mendapatkan maklumat awal sehinggalah kepada draf akhir. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar mereka semua, sudah pasti saya tidak berupaya untuk menghasilkan kajian seadanya ini. Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala bantuan yang berbentuk material atau sokongan moral. Mereka yang terlibat adalah :-

1. En. Amran (pensyarah)
Penyelaras Kajian Akhir
2. En. Idris bin Sidek
3. En. Sakiman bin Yusof
4. Kakitangan yang terlibat di Perpustakaan Tunku Abdul Razak I, ITM, Shah Alam, Selangor D.E.
5. Kakitangan yang terlibat di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.
6. Tuan Haji Salleh
Pemilik rumah di Kampung Laut, Kota Bharu, Kel.
7. Pelajar Diploma Senibina tahun 4/08 (1991)



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 7/3/1991

40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia. Tel: 03-5592721/9 03-5592311/9

Surat Tuan:

Surat Kami: 100-KSPU(JSB.30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

Per : Surat Pengenalan Bagi Mendapatkan Maklumat Untuk
Tujuan Kerja Kursus Bagi Mata Pelajaran
ARC 471 - HISTORY (FINAL STUDY)

Diperkenalkan pembawa surat ini, adalah pelajar Kursus
Diploma Senibina Tahun 4, Semester 08 Institut Teknologi
MARA, Kampus Induk Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Sebagai memenuhi kehendak kursus, beliau dikehendaki
membuat penyelidikan dalam mata pelajaran di atas.
Pelajar berkenaan dikehendaki membuat satu kaji selidik
tapak cadangan bagi memahami dan mendalami dalam bidang
tersebut.

Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah dihargai demi untuk
kemajuan dan pembelajaran dalam bidang Senibina dan didahului
dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

RAMLI ABDULLAH
Ketua Kursus
Diploma Senibina
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
ITM, Shah Alam.

/rr.

PENDAHULUAN

Sebelum kita membincangkan tentang bahan-bahan yang digunakan untuk membina rumah-rumah tradisional dan aspek-aspek penggunaan dari segi senibina dan perancangan, eloklah kita definisikan terlebih dahulu apa yang dimaksudkan dengan perkataan **Rumah Tradisional**.

Tradisi mengandungi erti suatu kebiasaan yang dilakukan dengan cara yang sama oleh beberapa generasi tanpa ada (mungkin sedikit) perubahan di dalam penghidupan dan kemajuan yang ada pada hari ini. Dengan kata lain, kebiasaan yang sudah menjadi adat dan budaya sesuatu kaum di sesuatu tempat.

Dengan demikian, istilah **rumah tradisional** dapat diertikan sebagai sebuah rumah yang dibangunkan dengan kaedah atau prinsip yang sama dengan menggunakan bahan yang sama sejak beberapa generasi oleh sesuatu kaum di dalam sesebuah tempat.

Di Semenanjung Malaysia, terdapat berbagai bentuk rumah tradisional yang agak berbeza dari segi rekabentuk, saiz dan rupa mengikut keadaan setempat. Akan tetapi, pada dasarnya, kesemuanya ada mempunyai kesamaan dari segi penggunaan ruang, konsep ruang dan juga bahan binaan iaitu dari